

Headline	Fama sasar RM400,000 jualan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	197 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,176
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,529



## Fama sasar RM400,000 jualan

**SHAH ALAM** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyeraskan RM300,000 hingga RM400,000 jualan produk sempena Malaysia Fest 2019 bertempat di Singapore Expo, Changi pada 25 Julai hingga 28 Julai ini.

Produk yang dibawa meliputi buah-buahan, ulam-ulaman, tanaman kontan, produk proses dan industri asas tani, makanan kesihatan gaya hidup, kecantikan dan juga fesyen.

Exco Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Ir Izham Hashim berkata Fama Selangor dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) membawa 20 usahawan dari Selangor ke Malaysia Fest 2019 di Singapura.

"Penyertaan ke Malaysia Fest 2019 kali ini merupakan antara penyertaan terbesar dari Malaysia dan Selangor secara amnya apabila sebanyak 10 booth ditempah, 20 usahawan dan 150 jenis produk.



Ir Izham (dua dari kanan) melawat ruang pameran pada Program Flag Off Produk Negeri Selangor ke Malaysia Fest 2019 semalam.

"Program ini merupakan kali keempat disertai oleh Malaysia dan apa yang saya lihat tahun lepas juga mencatatkan jualan yang amat memberangsangkan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Flag Off Produk Negeri Selangor ke Malaysia Fest 2019 di Wisma PKPS semalam.

Katanya, daripada 150 produk yang dibawa, 80 merupakan produk My Kampung My Future (MKMF) daripada 16 kam-

pung di seluruh negara.

Menurutnya, ekspo itu turut mencatatkan peningkatan sebanyak 20 hingga 30 peratus jualan pada tahun sebelum ini.

Pada 2018, seramai 18 usahawan Industri Asas Tani Selangor dengan 72 jenis produk telah menyertai Malaysia Fest di Singapura dengan lima booth jualan pada ketika itu mencapai hampir RM150,000 sepanjang empat hari diajukan.